

0202

U B125 AAB  
MAHATHIR - UMNO

KUALA LUMPUR, 21 MEI (BERNAMA) -- MAJLIS TERTINGGI (MT) UMNO (BARU) HARI INI MEMUTUSKAN SUPAYA SEMUA ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANG NEGERI DARIPADA UMNO LAMA, YANG MENENTANG PARTI ITU, DISINGKIRKAN DARIPADA BARISAN NASIONAL.

PRÉSIDEN UMNO (BARU), DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD, BERKATA KEPUTUSAN ITU AKAN DIRUJUK KEPADA DEWAN TERTINGGI BARISAN NASIONAL (BN) UNTUK TINDAKAN.

MEREKA YANG TERBABIT ITU TERMASUKLAH ANGGOTA-ANGGOTA PARLIMEN DAN DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG MENYATAKAN PENDIRIAN MASING-MASING SAMA ADA JIDAK AKAN MENGANGGOTAI UMNO (BARU) ATAU MENGISYTIHARKAN DIRI MEREKA SEBAGAI WAKIL RAKYAT BEBAS, KATANYA PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MEMPENGERUSIKAN MESYUARAT MAJLIS TERTINGGI PARTI ITU DI SRI PERDANA DI SINI.

BETAKAT INI, TIGA ANGGOTA PARLIMEN UMNO LAMA TELAH MENGISYTIHARKAN DIRI MEREKA SEBAGAI WAKIL RAKYAT BEBAS. MEREKA IALAH BEKAS MENTERI KEBAJIKAN MASYARAKAT, DATUK SHAHRIR ABDUL SAMAD (MP-JOHOR BAHRU), BEKAS TIMBALAN MENTERI DALAM NEGERI, DATUK RAOZI SHEIK AHMAD (MP-KANGAR) DAN ENCIK TAWFIK TUN DR ISMAIL (MP-SUNGAI BENUT).

MENGENAI BILANGAN ANGGOTA DEWAN UNDANGAN NEGERI YANG MENENTANG UMNO (BARU), DATUK SERI DR MAHATHIR MENJELASKAN KEPADA PEMBERITA SELEPAS PERSIDANGAN AKHBAR ITU BAHAWA BILANGAN MEREKA ADALAH KECIL.

-- LAGI

1555MST 21 05 88

D208

U B126 AAB  
MAHATHIR - UMNO 2 KUALA LUMPUR

PADA MASA INI, WAKIL-WAKIL UMNO (BARU) DALAM BN IALAH DATUK SERI DR MAHATHIR, TIMBALAN PRESIDEN, ENCIK GHAFAR BABA, BENDAHARI, DATUK PADUKA DAIM ZAINUDDIN, MENTERI BESAR TERENGGANU, DATUK AMAR WAN MOKHTAR AHMAD, MENTERI PENDIDIKAN, ENCIK ANWAR IBRAHIM DAN BEKAS MENTERI PERTAHANAN, DATUK ABDULLAH AHMAD BADAWI.

DATUK SERI DR MAHATHIR IALAH Pengerusi BN, ENCIK GHAFAR PULA MENJADI SETIAUSAHA AGUNG MANAKALA DATUK PADUKA DAIM IALAH BENDAHARI BN.

MENGENAI MASALAH YANG BERKAITAN DENGAN PENTADBIRAN UMNO (BARU), YANG TURUT DIBINCANGKAN PADA MESYUARAT ITU, BELIAU BERKATA PARTI ITU DIDAPATI TIDAK MEMPUNYAI KAKITANGAN YANG CUKUP UNTUK MENGURUSKAN KERJA-KERJA PENDAFTARAN ANGGOTANYA, DAN PENYUSUNAN UMNO (BARU) DI PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN.

OLEH ITU, KATANYA, MT MEMUTUSKAN SUPAYA ANGGOTA JAWATANKUASA PENYELARAS BAHAGIAN, YANG KINI SERAMAI 10 ORANG SETIAP SATU BAHAGIAN DITAMBAH 18 ORANG LAGI TERDIRI DARIPADA PEMIMPIN PEMUDA DAN WANITA SUPAYA KEDUA-DUA +SAYAP+ PARTI ITU DI PERINGKAT BAHAGIAN DAN CAWANGAN DAPAT DIHIDUPKAN SEMULA.

PADA PERINGKAT CAWANGAN PULA, SATU BADAN PENYELARAS YANG DIANGGOTAI OLEH 20 ORANG AKAN DITUBUHKAN UNTUK MENJALANKAN KERJA-KERJA PENYUSUNAN DAN PENDAFTARAN ANGGOTA PARTI PADA PERINGKAT ITU, KATANYA.

PADA PERSIDANGAN AKHBAR ITU, DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENGUMUMKAN PERLANTIKAN MENTERI BELIA DAN SUKAN, DATUK SERI NAJIB TUN RAZAK, SEBAGAI KETUA PEMUDA UMNO (BARU) DAN MENTERI PERDAGANGAN DAN PERINDUSTRIAN, DATIN PADUKA RAFIDAH AZIZ, KETUA PERGERAKAN WANITA. -- LAGI

1611MST 21 05 88

D210

U B127 AAB  
MAHATHIR - UMNO 3 KUALA LUMPUR

SETIAUSAHA KERJA UMNO (BARU) YANG BARU, ENCIK YAAKOB HAJI MOHAMMAD, DAN ENCIK DAIM (BENDAHARI) MENGANGKAT SUMPAN JAWATAN MASING-MASING PADA MESYUARAT ITU HARI INI. -- BERNAMA-

1614MST 21 05 88